

22/08/1998

(Datuk Seri Dr Mahathir)

KANGAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan rasa kesal Malaysia terhadap tindakan Amerika Syarikat mengebom Afghanistan dan Sudan semalam, apa lagi ia dikatakan diizinkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Kita rasa amat dukacita kerana serangan itu dikatakan diizinkan oleh PBB sedangkan kita tak tahupun PBB berikan keizinan," kata Perdana Menteri di sini, petang ini.

Dr Mahathir turut mempersoalkan dakwaan Amerika Syarikat kononnya serangan itu bertujuan mempertahankan diri.

"Kalau mereka serang dan kata itu bagi mempertahankan diri, siapa yang tentukan. Kalau saya boleh tentukan di mana saya nak serang, huru hara dunia ini," katanya.

(END)